

**KAJIAN PENERIMAAN PENGGUNAAN KOMPUTER
DIKALANGAN SISWA-SISWI UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA KAMPUS SAMARAHAN**

OLEH :

NORAZIZAH BINTI SAAT	97042245
RABIAH BINTI ABD KADIR	98065823
MOHD. JALANI BIN MORTADA	97042014
VIANASARI BINTI ABD RAHMAN	97268438
YUSRY AFFENDY BIN ABD KARIM	98065910

**Kertas kerja ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang di
Universiti Teknologi Mara Kampus Samarahan Sarawak adalah untuk memenuhi
syarat-syarat kajian Diploma Pentadbiran Awam**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN**

APRIL 2001

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
SURAT PENYERAHAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
RANGKA KAJIAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Hipotesis Kajian	4
1.3 Skop Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Penyataan Masalah	6
1.6 Konstren Kajian	6
1.7 Andaian Kajian	7
BAB 2 ULASAN KARYA	8
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	12

ABSTRAK

Kajian penerimaan penggunaan komputer merupakan kajian yang telah lama diberi perhatian oleh institusi-institusi terutama Institut Pengajian Tinggi dan juga badan-badan kerajaan yang lain, seperti Kementerian Pendidikan. Ini kerana, ia menjadi suatu isu yang penting, di mana ia saling berkait rapat dengan situasi pada masa kini yang amat memerlukan kepantasan serta kejituan maklumat yang disampaikan. Kemudahan komputer menjadi semakin penting dikalangan siswa-siswi, di mana ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka, sama ada menyiapkan kertas kerja mereka, dan sebagainya serta mudah untuk mencari maklumat tambahan sebagai pelengkap kepada maklumat yang sedia ada.

Oleh itu, kajian yang kami jalankan ini adalah bertujuan untuk menganalisa faktor-faktor yang menyumbang kepada penerimaan penggunaan komputer terutamanya dikalangan siswa-siswi. Selain itu juga, kami ingin mengkaji keberkesanan penggunaan kemudahan tersebut. Antara alat kajian yang kami gunakan sepanjang kajian kami adalah borang soal selidik, pemerhatian serta temubual.

Hasil kajian kami menunjukkan hubungan signifikan antara kecekapan penggunaan komputer berdasarkan taraf pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan yang signifikan antara siswa siswi dalam penggunaan komputer.

Melalui kajian ini juga, pelbagai cadangan yang telah dibuat. Sebagai contoh, peranan guru dalam membimbing pelajar mereka dalam menggunakan komputer, sebagai alat teknologi yang mempunyai manfaat yang besar dan penting pada masa kini.

Diploma Pentadbiran Awam
Universiti Teknologi Mara
Kampus Samarahan
94300 Kota Samarahan
Sarawak

1 April 2001

En. Nicholas Amin
Ketua Program
Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang
Universiti Teknologi Mara
Kampus Samarahan
94300 Kota Samarahan
Sarawak

Tuan,

Laporan Kajian Penerimaan Penggunaan Komputer Dikalangan Mahasiswa
Mahasiswi Universiti Teknologi Mara kampus Samarahan


Dengan sukacitanya, kami menyerahkan laporan kajian seperti yang disebutkan di atas bagi memenuhi syarat kajian Diploma Pentadbiran Awam.

Kami telah berusaha untuk mengumpul maklumat terkini dan membuat pelbagai kajian bagi menjayakan laporan ini. Diharapkan agar segala isi kandungan serta maklumat berkaitan dengan kajian yang telah kami jalankan dijadikan panduan kepada pihak yang memerlukannya.

Kami amat berharap sekiranya laporan ini akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(YUSRY AFFENDY BIN ABD KARIM)
Ketua kumpulan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Sejarah dan evolusi komputer bermula semenjak tahun 1940 dan mula berkembang selepas tahun 1960. Komputer berasal daripada alat mengira mekanikal. Komputer terbahagi kepada dua zaman iaitu sebelum tahun 1940 dan selepas 1940.

Pada tahun sebelum tahun 1940 ia digunakan untuk mengira, walaupun kebanyakan daripadanya adalah alatan mekanikal. Manakala selepas tahun 1940, ianya terbahagi kepada lima generasi iaitu, generasi pertama (1940-1959). Komputer yang dihasilkan adalah elektronik sepenuhnya. Ia digunakan bagi menyelesaikan masalah kelewatan untuk mendapatkan maklumat. Saiznya agak besar, di mana ianya menyamai sebuah bilik tidur dan dikategorikan kepada kerangka utama. Ianya menggunakan tiub vakum untuk memproses dan menyimpan maklumat. Bagi generasi kedua (1959-1964) transistor dan diod digunakan bagi menggantikan tiub vakum walaupun ia mudah terbakar.¹

Dalam era moden masa kini, komputer telah diperbaharui, sama ada dari segi rekabentuknya dan juga komponen di dalam komputer. Alat elektronik yang canggih ini telah melalui zaman kegemilangannya dari tahun ke setahun, di mana pelbagai perisian telah dimasukkan dalam komputer mengikut keperluan semasa.

¹ Tanya Putera, Sejarah perkembangan komputer selepas tahun 1960, Artikel internet www.tanyaputera.com